



FrieslandCampina
nourishing by nature

FrieslandCampina

Amalan perniagaan untuk Rakan Kongsi Perniagaan



Di FrieslandCampina, kami mahu menjalankan perniagaan kami dan mencapai matlamat bercita-cita tinggi kami dengan cara yang betul, secara bertanggungjawab. Kami menjangkakan perkara yang sama dari rakan kongsi perniagaan kami.

Hubungan rakan kongsi perniagaan

Kami ingin membina dan mengekalkan hubungan yang adil serta mencabar secara bersama dengan rakan kongsi perniagaan yang boleh dipercayai dan mengamalkan piawaian kami. Pihak yang menyumbang kepada matlamat dan komitmen integriti kita. Kami secara konsisten menilai hubungan rakan kongsi perniagaan dengan objektif untuk meneruskan penambahbaikan dalam semua bidang. Tambahan pula, kami memantau dan mematuhi sekatan perdagangan dan kami menjangkakan perkara yang sama daripada rakan kongsi perniagaan kami.

Keselamatan berkenaan dengan makanan dan orang ramai

Kami mengharapkan rakan-rakan kongsi perniagaan kami untuk melaksanakan sekurang-kurangnya semua piawaian yang dipersetujui dan diperlukan bagi kesihatan pengguna dan keselamatan makanan, serta komited terhadap persekitaran kerja yang selamat.

Hak asasi manusia

Kami memerlukan rakan kongsi perniagaan kami untuk menghormati dan menyokong hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi semua pihak berkepentingan. Kami tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan berdasarkan perkara seperti bangsa, warna kulit, jantina, orientasi seksual, umur, agama, pendapat politik, asal usul negara, etnik atau sosial. Kami juga tidak bertolak ansur dengan penggunaan buruh kanak-kanak dan buruh paksa.

Kelestarian

Rakan kongsi perniagaan kami perlu komited untuk menjalankan perniagaan mereka dengan cara yang mesra alam dan mampan. Untuk mengurangkan kesan buruk proses dan produk mereka terhadap alam sekitar, serta menyumbang kepada pembangunan lestari tanpa mengurangkan kemampuan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri.

Mengelakkan konflik kepentingan

Kami meminta rakan kongsi perniagaan kami untuk mengelakkan sebarang perkara yang boleh kelihatan seperti konflik kepentingan, dan untuk benar-benar telus dengan kami jika timbul konflik dengan kepentingan peribadi.

Hadiah dan bayaran


Kami tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk rasuah. Kami meminta rakan niaga kami untuk tidak memberi atau menjanjikan apa-apa nilai kepada sesiapa, atau meminta apa-apa nilai daripada sesiapa, dengan tujuan untuk mendapat layanan istimewa atau mempengaruhi keputusan perniagaan. Ini termasuklah contohnya hadiah, hiburan, bayaran (memudahkan urusan) dan sumbangan amal. Menggunakan pihak ketiga atau cara lain untuk mengelakkan larangan ini adalah tidak dibenarkan.

Persaingan yang adil

Kami memerlukan rakan kongsi perniagaan kami untuk menjalankan aktiviti mereka secara adil dan berdaya saing, serta mematuhi undang-undang persaingan dengan teliti.

Komunikasi yang adil

Kami mengharapkan rakan-rakan kongsi perniagaan kami untuk berkomunikasi secara terbuka, hormat, dan berhemah.



Melindungi dan menghormati maklumat sulit

Rakan kongsi perniagaan kami perlu memastikan bahawa semua maklumat sulit dalam hubungan perniagaan kita dilindungi dengan baik dan disimpan daripada pendedahan yang tidak dibenarkan. Ini terpakai kepada maklumat sulit kami dan mereka. Maklumat sulit hanya boleh digunakan untuk tujuan perniagaan yang dibenarkan, secara sah, dan dengan integriti.

Perlindungan Data

Kami menghormati hak Privacy rakan niaga kami dan menjangkakan mereka juga berbuat demikian. Rakan kongsi perniagaan kami hanya boleh mengumpul, memproses, menghantar, dan menggunakan data peribadi setakat yang munasabah dan perlu untuk tujuan perniagaan yang telah dipersetujui dan dimaklumkan. Mereka wajib menghormati kerahsiaan data peribadi dan bertanggungjawab memastikan data tersebut tepat, lengkap, relevan, dan selamat.

Integriti pelaporan (kewangan)

Rakan-rakan kongsi perniagaan kita bertanggungjawab untuk memastikan dokumen kewangan dan bukan kewangan, rekod, serta laporan mereka adalah tepat, lengkap, selaras, dan terkini.

Mencegah penipuan

Kami tidak menerima sebarang tingkah laku yang bertujuan untuk menipu atau mengelirukan orang lain. Kami menjangkakan rakan-rakan kongsi perniagaan kami untuk turut serta dalam mencegah penipuan.

Speak Up

Jika anda mengesyaki bahawa FrieslandCampina, mana-mana pekerjanya, atau pihak ketiga yang berurusan dengan FrieslandCampina, tidak bertindak selaras dengan Compass Tingkah Laku Perniagaan Baik FrieslandCampina, Amalan Perniagaan ini, atau undang-undang dan peraturan yang berkenaan, kami menggalakkan anda untuk bersuara. Anda boleh melakukan ini dengan menghubungi perkhidmatan web Speak Up kami, tersedia melalui Laman Web Korporat kami: <https://frieslandcampina.com/contact/speak-up/>

Diterima dan dipersetujui bagi pihak

Nama penuh syarikat:

Saya mengakui bahawa saya diberi kuasa untuk mengikat syarikat ini dengan terma amalan Perniagaan FrieslandCampina untuk rakan kongsi perniagaan

Nama:

Fungsi:

Tempat, tarikh:

Tandatangan:

Amalan perniagaan untuk rakan kongsi perniagaan ini disediakan dalam bilangan bahasa. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, versi bahasa Inggeris diutamakan.

Information on our Speak Up procedure can be found here: [Speak Up \(sharepoint.com\)](#)

More information:

If you have any questions about this policy, please contact the Global Ethics & Compliance team at:
businessconduct@frieslandcampina.com